

# Banjir: TPM dapatkan laporan JPS

**KUALA LUMPUR 10 Sept.** – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau akan mendapatkan laporan terkini daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung kejadian banjir di Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga, Shah Alam semalam.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, orang ramai perlu bersabar dengan pelaksanaan sebarang kerja pembaikan di situ kerana proses tersebut akan mengambil masa untuk siap.

“Ada setengah projek itu sedang berjalan, jadi kalau kita nak buat sesuatu ia mungkin makan masa dua atau tiga tahun.

“Sebab kalau melibatkan pembinaan, (ia) bukan boleh siap dalam masa yang singkat,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bandar Tun Razak di Cheras, dekat sini hari ini.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian banjir di Kampung Kebun Bunga petang semalam yang menenggelamkan keseluruhan kampung itu, menyebabkan 1,200 penduduknya dipindahkan.

Dalam pada itu, beliau berkata, pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) sentiasa meneliti permintaan parti komponen untuk mendapatkan perubahan pada satu-satu kawasan Parlimen.

Namun begitu, kata beliau, perkara itu sentiasa dibuat dalam konteks prinsip dan permuafakatan BN yang mengambil kira kepentingan parti keseluruhannya.

Oleh itu, katanya, beliau belum bersedia memberi sebarang keputusan mengenai permintaan perwakilan UMNO Bahagian Kepong untuk mengubah kerusi Parlimen di kawasan itu dari Gerakan kepada MCA dan MCA ke UMNO bagi Bahagian Bandar Tun Razak.

“Kita dah menghadapi banyak pilihan raya dan setiap kali, perkara ini memang berbangkit,” katanya.